

01 OCT 2002

Mahathir-Melaka

LAWATAN KERJA SEHARI DR MAHATHIR KE MELAKA KHAMIS INI

MELAKA, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Melaka Bandaraya Bersejarah Khamis ini.

Menurut aturcara rasmi yang dikeluarkan hari ini, acara Dr Mahathir akan bermula pada pukul 9 pagi dengan merasmikan Konvensyen "Dunia Melayu Dunia Islam" di Riviera Bay Hotel di sini sebelum melawat "Ladang Buah-buahan Tropika Melaka" di Selandar pada kira-kira pukul 11 pagi.

Pada pukul 3 petang, Perdana Menteri akan melawat kilang Composite Technology Research Malaysia (CTM) di Batu Berendam.

CTRM baru-baru ini memeterai kontrak ketiganya dengan BAE Systems dari United Kingdom untuk pembuatan enam komponen sayap pesawat Airbus A320 satu lorong bernilai kira-kira RM300 juta.

Selepas itu, Dr Mahathir dijadual merasmikan Kilang Cubic Electronics Sdn Bhd di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh pada kira-kira pukul empat petang.

Cubic merupakan anak syarikat terbesar dan milik penuh Creative Technology Limited yang beribu pejabat di Singapura. Creative ialah peneraju dalam produk hiburan digital bagi komputer peribadi dan Internet.

Dr Mahathir juga dijadual melawat Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka dan Kompleks Inkubator K-Ekonomi di Ayer Keroh pada kira-kira pukul 5 petang.

Perdana Menteri mengakhiri lawatan itu dengan merasmikan "Hang Tuah Mall" di Jalan Hang Tuah, iaitu projek berharga RM8.3 juta yang merupakan mercu tanda baru di pusat Bandar Melaka pada pukul 8 malam.

Beliau akan berlepas pulang ke Putrajaya pada kira-kira 9.30 malam.

-- BERNAMA

NO ROS